

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 18 FEBRUARI 2017 (SABTU)

2 Permohonan
bazar dibuka

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memberi peluang kepada orang ramai menjana pendapatan dengan menjalankan perniagaan di tapak Bazar Ramadan yang disediakan sempena Ramadan.

Pengeluaran borang bazar Ramadan boleh diperoleh mulai 21 Februari hingga 3 Mac.

Borang permohonan akan diedarkan secara percuma dan boleh diperolehi di kaunter Utama MBSA di Tingkat G, Kaunter Jabatan Pelesenan (tingkat 13) dan kaunter pejabat-pejabat cawangan MBSA di Sungai Buloh, Kota Kemuning dan Setia Alam.

Sebanyak 35 lokasi tapak bazar disediakan pihak majlis tahun ini.

Sebarang pertanyaan hubungi Jabatan Pelesenan di talian 03-55105133 sambungan 1366/4317/ dan 1486.